**LAMPIRAN 3**

| BIL. | KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11) |
|---|---|
| **1** | **Tujuan dan Kelulusan**<br><br>1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan peraturan berhubung perbelanjaan sempena sambutan Hari Inovasi peringkat Universiti. |
| **2** | **Peraturan**<br><br>2.1 Pertandingan<br><br>2.1.1 Bilangan acara pertandingan yang boleh diadakan sempena sambutan Hari Inovasi adalah terhad kepada tujuh (7) acara sahaja. Pertandingan boleh diadakan sama ada secara berkumpulan atau individu<br><br>2.2 Jamuan<br><br>2.2.1 Mengekalkan pemakaian Pekeliling Bursar bil 4/2014 agar semua PTJ mendapatkan perkhidmatan makanan daripada Fakulti Sains dan Teknologi Makanan sekurang-kurangnya 50% daripada perbelanjaan makanan untuk acara rasmi setiap PTJ.<br><br>2.2.2 Kadar penyediaan jamuan adalah tidak melebihi RM6 seorang |

| **BIL.** | **KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)** |
|---|---|
| | 2.3 Hadiah Pertandingan |

2.3.1 Hadiah kepada pemenang setiap acara pertandingan adalah terhad kepada kadar maksimum seperti berikut.

| Pemenang | Peringkat Pertandingan (Universiti) | |
|---|---|---|
| | Kumpulan | Individu |
| **Pertama**<br>Hadiah/tunai<br>Piala | *(maksimum)*<br>RM2,000<br>RM250<br>Sijil | *(maksimum)*<br>RM750<br>RM200<br>Sijil |
| **Kedua**<br>Hadiah/tunai | *(maksimum)*<br>RM1,000<br>Sijil | *(maksimum)*<br>RM500<br>Sijil |
| **Ketiga**<br>Hadiah/tunai | *(maksimum)*<br>RM750<br>Sijil | *(maksimum)*<br>RM250<br>Sijil |

2.3.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan kesesuaian kadar hadiah bagi setiap kategori pertandingan

| BIL. | KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11) |
|---|---|
| | 2.4 Panel Hakim<br>2.4.1 Kementerian/Jabatan boleh melantik panel hakim dari luar agensi tidak melebihi tiga (3) orang bagi menilai peserta pertandingan yang diadakan. Panel hakim boleh diberi saguhati/hadiah tertakluk kepada had maksimum seperti berikut: |

| Peringkat Pertandingan | Ketua Hakim | | Hakim | |
|---|---|---|---|---|
| | KIK | Acara lain | KIK | Acara lain |
| Universiti | RM100 sehari | RM100 satu program | RM80 sehari | RM80 satu program |

2.4.2 Hadiah bagi pemenang dan panel hakim di atas boleh diberi dalam bentuk tunai dan/atau hadiah dalam bentuk plaque, buku atau kraftangan tempatan sahaja terhad kepada kadar maksimum di atas.

2.5 Bayaran Penceramah

2.5.1 Bayaran penceramah jemputan yang terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Awam adalah mengikut kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8 atau pindaan. Bagi penceramah daripada pihak swasta adalah berdasarkan kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP10.9 (Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan) atau pindaan.

2.6 Hiasan dan Pameran

2.6.1 Perbelanjaan hiasan dewan dan pameran hendaklah di peringkat minimum dan mematuhi tatacara perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

| BIL. | KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11) |
|---|---|
| | 2.7 Tempat Mengadakan Hari Inovasi<br><br>2.7.1 Sambutan Hari Inovasi Kementerian/Jabatan seboleh-bolehnya hendaklah diadakan di kawasan Kementerian/Jabatan masing-masing bagi memudah dan membolehkan semua pegawai Kementerian/Jabatan menyertai program yang diadakan serta menjimatkan perbelanjaan; |